

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

6. Tanggungjawab Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah menyelesaikan masalah penduduk di lokasi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) melalui peruntukan Kerajaan Negeri mengikut sempadan Sistem Maklumat Geografi (PEGIS) tetapi pengundi tinggal di luar kawasan mengundi memohon bantuan di minta merujuk ADUN kawasan mengundi.
  - (a) Apakah dasar yang ditetapkan Ketua Menteri dan Kewangan Negeri?
  - (b) Adakah pemberian peruntukan di beri melalui tempat mengundi atau tempat tinggal?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Peruntukan Kerajaan Negeri bagi pemberian bantuan perlulah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010-Garis Panduan Pelaksanaan Projek-projek di bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03) serta Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. Tahun 2011-Had Nilai Pemberian *Outright Grant* dan Peraturan bagi Pembekalan yang di mohon di bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03); dan

Pemberian peruntukan adalah berdasarkan tempat tinggal penerima bantuan dan perlu selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 dan Tahun 2011. Surat Pekeliling ini menyatakan projek yang dicadangkan di bawah

peruntukan P16 (02) dan (03) hendaklah memberi fokus kepada *people centric* serta memberi manfaat yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat dan meliputi semua komposisi etnik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkaitan. Pembiayaan projek-projek di luar KADUN adalah tidak dibenarkan kecuali bagi Anggota Pentadbiran (Y.A.B. Ketua Menteri, YB. Timbalan Ketua Menteri dan YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan) yang boleh mencadangkan pelaksanaan projek-projek khas di bawah P16 (03) di luar KADUN masing-masing terhad kepada maksimum RM50,000.00 sahaja.